



Sahur percuma setiap Rabu sempena Ramadan



Oleh: MOHD. FERDAUS MUSA

Lebih 100 orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) berpeluang menikmati sahur percuma bertempat di *Student Lounge*, Kolej Kediaman Kedua pada setiap hari Rabu sejak minggu pertama Ramadan.

Sepanjang bulan Ramadan ini, Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman (PEKA) 2 dengan kerjasama Pusat Kesihatan Universiti (PKU) UMP menganjurkan Program Sahur Percuma kepada semua pelajar yang diadakan pada setiap hari Rabu.

Menurut Pengarah Program, Muhammad Syafiee Sungali, 22, program ini merupakan program susulan daripada Program Sarapan Percuma yang diserahkan kepada pelajar pada bulan Mei lalu.

"Program ini bertujuan untuk memudahkan pelajar untuk bersahur secara tidak langsung ianya dapat mengurangkan beban kewangan pelajar di hujung semester ini dan pelajar diploma yang baharu mendaftar awal Jun lalu.

"Program sahur ini bermula sekitar jam 4.00 pagi yang menyediakan pelbagai menu menarik setiap minggu, antaranya seperti Nasi Putih, Nasi Goreng Ayam Berempah.

"Kami juga turut menyediakan Roti Bakar dan susu bagi pelajar sebagai pilihan menu untuk pelajar. Menariknya Program Sahur Percuma ini, pelajar yang hadir akan makan secara berjemaah iaitu beramai-ramai di dalam talam seperti yang sunnahkan oleh Rasulullah S.A.W," katanya.

Beliau amat bersyukur program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan walaupun ketika ini musim peperiksaan sedang berlangsung.

Lebih menarik, selepas bersahur pelajar akan bersama-sama menyertai solat Subuh berjemaah di Surau Kolej Kediaman Kedua ini. Menerusi program ini bukan sahaja dapat memupuk pelajar amalan bersahur malah memupuk semangat solat berjemaah.

Muhammad Syafiee berharap pelajar dapat mengambil peluang untuk sama-sama menyumbang dan menyertai program bersahur bersama pada setiap hari Rabu dalam bulan Ramadan ini.

Bagi pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Mohamad Farid Mohamad Basri, 22, beliau amat berterima kasih kepada UMP dengan penganjuran Program Sahur Percuma ini.

Menerusi program ini, beliau dapat menyimpan wang untuk membeli juadah berbuka puasa untuk hari mendatang dan yang pastinya pengalaman ini tidak akan dilupakan sepanjang bergelar mahasiswa universiti.